

'Biar mak ditahan lama

'Biar mak ditahan lama'

■ Keluarga diancam bahaya setiap kali wanita penagih tegar amuk guna parang

Nur Syazwana Mansor
am@hmetro.com.my

Yan

"Kami memang tak harap apa-apa daripada mak, jika boleh biar dia ditahan lama kerana sikapnya kian menjadi-jadi. Kini, setiap malam dia mengaum dengan parang.

FAKTA
32 penagih ditahan anggota AADK dalam operasi bersepadu

"Mungkin sebab pengaruh dadah yang diambilnya, membuatkan kami sekeluarga berasa terancam dan bimbang dia akan mencederakan sesiapa saja."

Itu luahan seorang wanita berusia 21 tahun yang kesal dengan sikap ibunya menjadi

penagih dadah tegar biarpun beberapa kali ditahan pihak berkuasa.

Dia ditemui di lokasi serbuan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Yan di port dadah digelar 'sarang burung' di Kampung Seberang Jaya, Kuala Sala di sini, pagi semalam.

Terdahulu dalam serbuan jam 10 pagi, ibunya berusia 37 tahun antara 32 penagih ditahan anggota AADK dalam operasi bersepadu bersama AADK negeri dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) daerah Yan.

"Saya dah lali dengan sikap emak dan tidak kisah jika dia ditahan pihak berkuasa. Saya ke sini hanya untuk ambil motosikal saya. Tak tahu pula ada operasi, tapi saya tahu mak datang ke sini setiap

hari untuk lepaskan gian," katanya.

Dia mengakui kesal ibunya tidak serik dan berusaha untuk berubah biarpun kerap ditangkap pihak berkuasa.

"Adik saya masih bersekolah dan yang bongsu dijaga nenek dan kami sekeluarga," katanya.

Wartawan Harian Metro yang mengikuti operasi itu difahamkan wanita penagih dadah tegar itu mempunyai lapan anak berusia empat bulan hingga 21 tahun dan tiga cucu berusia setahun hingga lima tahun itu hasil perkahwinan anak sulung-

nya. Sejurus ditangkap dia turut merayu dilepaskan dengan alasan mahu membeli susu anaknya selain bimbang perkara itu diketahui suami.

Sementara itu, Ketua Pe-

nguatkuasaan dan Keselamatan AADK negeri, Nasru'd-din Abdul Rahman berkata, operasi itu diketuai Ketua Penguat Kuasa dan Keselamatan AADK Yan, Wan Noor Shah bersama 32 anggota.

Menurutnya, siasatan mendapati port sarang burung itu beroperasi 24 jam dan menjadi tumpuan penagih dalam kalangan penduduk tempatan dan luar termasuk dari Langkawi, Alor Setar dan Sungai Petani.

Menurutnya, semua yang ditahan berusia antara 25 dan 65 tahun dan bekerja sendiri serta nelayan dan penganggur.

"Hasil ujian air kencing mendapati mereka yang ditahan positif dadah opiat dan methamphetamine," katanya.



PENAGIH wanita berusia 37 tahun yang ditahan, semalam.

PENAGIH yang ditahan dalam serbuan di 'port sarang burung'.